

08/05/2001

MCA sokong kerahan tenaga

Ahmad Naim Tahir

BATU PAHAT, Isnin - MCA menyokong penuh cadangan kerajaan untuk melaksanakan sistem kerahan tenaga terhadap bukan Bumiputera di negara ini dan menyifatkannya langkah terbaik meningkatkan semangat patriotik rakyat tanpa mengira bangsa.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata jika langkah itu diperkenalkan, seluruh rakyat boleh diasuh dengan disiplin serta semangat cintakan negara yang tinggi.

"Kerahan tenaga adalah langkah yang baik kerana ia boleh meningkatkan disiplin, semangat patriotik dan mempelajari asas ketenteraan seperti menggunakan senjata.

"Ia bukan bermakna kita harus menjadi tentera, sebaliknya sistem ini melatih cara untuk mempertahankan negara jika diperlukan," katanya selepas merasmikan pejabat MCA bahagian Sri Gading, di Taman Maju, di sini, petang semalam.

Beliau berkata, MCA bersedia pada bila-bila masa membantu kerajaan menjayakan sistem kerahan tenaga itu dengan menarik penyertaan masyarakat Cina jika dilaksanakan nanti.

Ditanya punca bukan Bumiputera kurang berminat menyertai tentera, Dr Ling berkata, ia mungkin kerana gaji atau elaun yang rendah dalam tentera, selain masyarakat Cina lebih berminat menceburi sektor swasta dan perniagaan.

"Orang Cina kurang berminat dengan struktur gaji tetap kerana mengambil masa untuk mendapat kenaikan, tetapi jika bekerja dengan sektor swasta atau menjalankan perniagaan, ia bergantung kepada usaha sendiri," katanya.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata kerajaan mungkin memperkenalkan sistem itu ke atas bukan Bumiputera jika pembabitan mereka dalam tentera masih berkurangan pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata, ia bagi menarik golongan itu menyertai tentera, bukan saja di peringkat pegawai, malah bagi pangkat lain kerana bukan Bumiputera juga perlu mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

Dalam perkembangan lain, Dr Ling berkata, MCA kini dalam proses memohon kerajaan menaikkan taraf Kolej Tunku Abdul Rahman yang akan mempunyai 33,000 pelajar menjelang akhir bulan ini, kepada universiti.

"Sekarang ada 23,000 pelajar kolej ini di seluruh negara dan bertambah kepada 33,000 menjelang akhir bulan ini," katanya.

(END)